



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Pembiayaan Kontrak Kerja Melalui  
SME-Go Scheme oleh SME Bank  
(Kuat kuasa 15 Jun 2020)**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PK 6.2 Pembiayaan Kontrak Kerja Melalui SME-Go Scheme oleh SME Bank .....</b>	<b>2</b>
<b>1.    Pendahuluan.....</b>	<b>2</b>
<b>2.    Pembiayaan SME-Go Scheme .....</b>	<b>2</b>
<b>3.    Mekanisme Pelaksanaan.....</b>	<b>3</b>
<b>4.    Entiti Yang Boleh Dihubungi .....</b>	<b>6</b>
<b>5.    Tarikh Kuat Kuasa .....</b>	<b>7</b>

## **PK 6.2 Pembiayaan Kontrak Kerja Melalui SME-Go Scheme oleh SME Bank**

### **1. Pendahuluan**

- 1.1 Kerajaan menyedari bahawa pandemik Covid-19 telah memberi impak yang besar kepada ekonomi negara termasuk menjejaskan aliran tunai kontraktor bagi memulakan kerja walaupun Kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM58 bilion bagi tahun 2020 dan hampir RM4 bilion di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).
- 1.2 Kerajaan dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank) bersetuju memperkenalkan mekanisme baharu yang dikenali sebagai 'SME-Go Scheme' yang mana bayaran pendahuluan kepada kontraktor akan disalurkan terus kepada SME Bank sebagai memenuhi keperluan cagaran bagi mendapatkan pembiayaan. Sementara itu, SME Bank akan menyediakan jaminan bank bagi memenuhi syarat Kerajaan untuk tujuan pembayaran pendahuluan kepada kontraktor. Kontraktor yang berkelayakan boleh mendapatkan pembiayaan tanpa perlu menyediakan cagaran seperti mana kebiasaan.

### **2. Pembiayaan SME-Go Scheme**

- 2.1. Pembiayaan SME-Go Scheme ini ditawarkan kepada kontraktor Gred G2 dan G3 bagi semua perolehan kerja bagi tahun 2020 yang bernilai di antara RM200,000 sehingga RM800,000 termasuk projek di bawah PRE 2020 dan PRE PRIHATIN.
- 2.2. SME-Go Scheme merupakan satu pembiayaan alternatif kepada kontraktor untuk melaksanakan projek Kerajaan. Kontraktor tidak wajib memilih pembiayaan melalui SME-Go Scheme.
- 2.3. Kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan adalah layak untuk mendapatkan kemudahan wang pendahuluan sebanyak 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM100,000, yang mana lebih rendah, tertakluk kontraktor memenuhi syarat bayaran pendahuluan kepada peraturan perolehan yang berkuat kuasa. Antara syarat bayaran pendahuluan adalah kontraktor hendaklah menyediakan jaminan bank.
- 2.4. Bagi kontraktor yang memilih skim pembiayaan SME-Go Scheme ini, ringkasan mekanisme dan elemen pembiayaan adalah seperti berikut:
  - 2.4.1 SME Bank akan mengeluarkan jaminan bank sebagai syarat mendapatkan bayaran pendahuluan tanpa mengenakan keperluan kepada kontraktor untuk mengemukakan cagaran;
  - 2.4.2 Kerajaan akan membuat bayaran pendahuluan terus kepada SME Bank sebagai memenuhi keperluan cagaran untuk kontraktor mendapatkan pembiayaan pinjaman modal kerja;

- 2.4.3 pembiayaan kepada kontraktor akan diberikan oleh SME Bank sehingga 100% daripada kos kontrak dengan kenaikan caj sebanyak 7% setahun. Pembiayaan ini memerlukan kontraktor mencagarkan bayaran kepada SME Bank melalui Surat Ikatan Penyerahan Hak (*Deed of Assignment - DOA*);
- 2.4.4 pengeluaran pembiayaan daripada SME Bank kepada kontraktor dibuat secara berperingkat berdasarkan Harga Kontrak. Pembiayaan ini bukan sahaja dapat memudahkan aliran tunai kontraktor bagi tujuan pembayaran kepada pembekal, gaji pekerja dan kos lain berkaitan, malah turut dapat membantu kontraktor menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan tanpa perlu menunggu bayaran tuntutan kemajuan kerja;
- 2.4.5 bayaran bagi tuntutan kemajuan kerja oleh kontraktor akan dibuat oleh Agensi Kerajaan kepada SME Bank; dan
- 2.4.6 SME Bank akan melaksanakan penyelarasan semula ke atas pembayaran yang diterima daripada Agensi Kerajaan dan sebarang lebihan, selepas tolakan dibuat ke atas baki pembiayaan akan disalurkan kepada kontraktor selaras dengan terma dan syarat dalam DOA serta perjanjian pembiayaan.

### 3. Mekanisme Pelaksanaan

Mekanisme pelaksanaan kepada kontraktor yang berminat bagi pembiayaan SME-Go Scheme adalah seperti berikut:

#### 3.1. Pengeluaran Kelulusan DOA

- 3.1.1. Agensi Kerajaan hendaklah mengeluarkan surat kelulusan DOA melalui borang di **Lampiran 1** kepada kontraktor yang berjaya beserta Surat Setuju Terima (SST)/Inden Kerajaan berdasarkan format di bawah PP/PK2.2. Agensi Kerajaan hendaklah memberi persetujuan dengan menandatangani terlebih dahulu DOA tersebut sebelum dikemukakan kepada kontraktor.

#### 3.2. Surat Permohonan Bayaran Pendahuluan

- 3.2.1. Agensi Kerajaan juga hendaklah menyertakan format Surat Permohonan Bayaran Pendahuluan Melalui Pembiayaan SME-Go Scheme seperti di **Lampiran 2** kepada kontraktor yang berjaya beserta SST/Inden Kerajaan.
- 3.2.2. Bagi kontraktor yang berhasrat untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan SME-Go Scheme, kontraktor hendaklah mengembalikan surat permohonan bayaran pendahuluan yang lengkap dicetak menggunakan kepala surat syarikat beserta dengan SST/Inden Kerajaan.

### **3.3. Permohonan SME-Go Scheme oleh Kontraktor**

- 3.3.1. Selepas menerima SST/Inden Kerajaan daripada Agensi Kerajaan, kontraktor yang berminat untuk mendapatkan pembiayaan SME-Go Scheme hendaklah mengemukakan permohonan pembiayaan kepada SME Bank dengan menggunakan Borang Permohonan Pembiayaan dan Borang Penyata Diri seperti di **Lampiran 3** dan **Lampiran 4**. Borang tersebut juga boleh diperolehi di laman sesawang SME Bank ([www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my)).
- 3.3.2. DOA yang telah ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor juga perlu dikemukakan kepada SME Bank oleh kontraktor.
- 3.3.3. Salinan Surat Permohonan Bayaran Pendahuluan Melalui Pembiayaan SME-Go Scheme yang telah lengkap diisi oleh kontraktor juga hendaklah dikemukakan kepada SME Bank.

### **3.4. Proses kelulusan SME-Go Scheme oleh SME Bank**

- 3.4.1. Setelah menerima permohonan SME-Go Scheme daripada kontraktor, SME Bank akan memproses permohonan tersebut dalam masa empat (4) hari bekerja daripada tarikh dokumen lengkap diterima. Jika permohonan diluluskan, SME Bank akan mengeluarkan surat tawaran pembiayaan SME-Go Scheme kepada kontraktor.
- 3.4.2. Setelah surat tawaran disetujui terima oleh kontraktor, SME Bank akan menyediakan dokumen perjanjian dan kontraktor perlu menyempurnakan dokumen perjanjian tersebut. Pada masa yang sama juga, SME Bank akan menandatangani DOA yang dikemukakan oleh kontraktor. Dokumen perjanjian dan DOA tersebut akan dimatikan setem oleh SME Bank.
- 3.4.3. Setelah penyempurnaan perkara 3.4.2, SME Bank akan menyediakan jaminan bank dalam masa dua (2) hari bekerja bagi memenuhi keperluan bayaran pendahuluan. Agensi Kerajaan boleh menerima jaminan bank dalam bentuk *Portable Document Format* (PDF) yang dihantar melalui e-mel. Jaminan bank yang asal akan diserahkan kepada kontraktor untuk penghantaran kepada Agensi Kerajaan.

### **3.5. Penyerahan Dokumen oleh Kontraktor Kepada Agensi Kerajaan**

- 3.5.1. Kontraktor hendaklah mengemukakan dokumen kepada Agensi Kerajaan seperti berikut:
  - (a) SST/Inden Kerajaan yang telah ditandatangani balas;

- (b) Surat tawaran SME-Go Scheme oleh SME Bank;
- (c) DOA yang telah lengkap ditandatangani oleh Agensi Kerajaan, kontraktor dan SME Bank;
- (d) Jaminan Bank oleh SME Bank; dan
- (e) Permohonan pembayaran pendahuluan melalui pembiayaan SME-Go Scheme.

### **3.6. Bayaran Pendahuluan oleh Agensi Kerajaan**

- 3.6.1. Agensi Kerajaan hendaklah membuat bayaran pendahuluan kepada SME Bank dalam masa lima (5) hari bekerja daripada tarikh penerimaan SST/Inden Kerajaan yang ditandatangani balas bersama-sama dengan dokumen sokongan lain bagi urusan pembayaran.
- 3.6.2. Bayaran pendahuluan hendaklah dilaksanakan terus kepada SME Bank seperti berikut:
  - Nama Akaun : Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad
  - No. Akaun : 564025404584
  - Nama Bank : Maybank Islamic Berhad
- 3.6.3. Bagi pembayaran bayaran pendahuluan yang dibuat, Agensi Kerajaan hendaklah memberi notifikasi kepada SME Bank melalui e-mel (mofsmego\_payment@smebank.com.my) mengenai maklumat kontrak/SST, nama kontraktor dan nilai wang pendahuluan.
- 3.6.4. Agensi Kerajaan hendaklah membuat potongan bayaran balik bayaran pendahuluan apabila kemajuan kerja mencapai 50% dan diselesaikan selewat-lewatnya semasa kemajuan projek mencapai 85%.

### **3.7. Pembiayaan oleh SME Bank**

- 3.7.1. Setelah diluluskan, SME Bank akan menyediakan pembiayaan kepada kontraktor sehingga 100% daripada kos kontrak dan bayaran akan dibuat secara berfasa. SME Bank akan membuat pembayaran terus kepada pembekal/vendor berdasarkan harga kontrak.

### **3.8. Pembayaran kepada Kontraktor**

3.8.1. Kontraktor bertanggungjawab untuk membuat tuntutan bayaran kemajuan dengan mengemukakan dokumen lengkap kepada Agensi Kerajaan.

3.8.2. Bayaran bagi tuntutan kemajuan kerja oleh kontraktor akan dibuat oleh Agensi Kerajaan kepada SME Bank.

Bayaran kemajuan hendaklah dilaksanakan melalui akaun seperti di perenggan 3.5.2.

3.8.3. Bagi setiap bayaran kemajuan yang dibuat, Agensi Kerajaan hendaklah memberi notifikasi kepada SME Bank melalui e-mel (mofsmego\_payment@smebank.com.my) mengenai maklumat kontrak/SST, nama kontraktor dan jumlah pembayaran.

### **3.9. Pemantauan oleh SME Bank**

3.9.1. Agensi Kerajaan hendaklah membenarkan akses kepada pihak SME Bank atau wakil yang sah untuk membuat lawatan ke tapak pembinaan bagi pemantauan pelaksanaan projek.

3.9.2. SME Bank perlu mengemukakan laporan pemantauan setiap bulan kepada Kementerian Kewangan melalui e-mel (projek.pre@treasury.gov.my).

Carta aliran kerja seperti di **Lampiran 5**.

## **4. Entiti Yang Boleh Dihubungi**

4.1 Agensi yang memerlukan maklumat lanjut mengenai pelaksanaan SME-Go Scheme ini boleh menghubungi entiti berkaitan seperti berikut:

#### **4.1.1 Maklumat Berkaitan SME-Go Scheme**

SME Bank

Telefon : 03-2603 7700

E-mel : mofsmego@smebank.com.my

#### **4.1.2 Nasihat Berkaitan PP/PK6.2**

Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan

Telefon : 03-8882 4476/3283/3225/4281/3287

E-mel : dasar.bpk@treasury.gov.my

## 5. Tarikh Kuat Kuasa

- 5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa ke atas semua perolehan kerja Kerajaan **mulai 15 Jun 2020** .
- 5.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan PP/PK2.2. Sekiranya terdapat perbezaan arahan Kementerian Kewangan, peraturan dan tatacara perolehan dalam pekeling khusus lain, maka peraturan yang digariskan melalui pekeling ini adalah terpakai dan berkuat kuasa bagi tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.



# LAMPIRAN

**LAMPIRAN 1****SURAT IKATAN PENYERAHAN HAK  
(PEMBIAYAAN SME BANK – SME-GO SCHEME)**

**SURAT IKATAN SERAH HAK** [selepas daripada ini disebut "Surat Ikatan"] ini diperbuat pada tarikh yang dinyatakan dalam bahagian 1, **JADUAL** kepada Surat Ikatan ini

DI ANTARA

Pihak-pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan dalam bahagian 2, **JADUAL** kepada Surat Ikatan ini [kemudian daripada ini disebut "Penyerah Hak"] sebagai pihak Pertama;

DAN

Pihak-pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan dalam bahagian 3, **JADUAL** kepada Surat Ikatan ini [kemudian daripada ini disebut "Pemberi Kontrak"] sebagai pihak kedua;

DAN

**Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (49572-H)**, suatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan beralamat di Aras 22, Menara SME Bank Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur [selepas daripada ini disebut sebagai "**SME BANK**"] sebagai pihak Ketiga.

**BAHAWASANYA** Penyerah Hak telah ditawarkan kontrak oleh Pemberi Kontrak suatu kontrak yang butir-butirnya dinyatakan dalam bahagian 4, **JADUAL** Surat Ikatan ini [selepas daripada ini disebut "Kontrak Tersebut"] yang bernilai dalam jumlah seperti mana yang dinyatakan dalam bahagian 5, **JADUAL** kepada Surat Ikatan ini dan nilai sepenuhnya akan dibayar oleh Pemberi Kontrak setelah Kontrak tersebut dilaksanakan dengan memuaskan.

**DAN BAHAWASANYA** Penyerah Hak telah memohon kepada **SME BANK** suatu skim pembiayaan untuk membolehkan Penyerah Hak melaksanakan Kontrak Tersebut dan **SME BANK** telah bersetuju untuk membiayai tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang termaktub di dalam dokumen-dokumen pembiayaan yang dimasuki oleh Penyerah Hak bersama **SME BANK**.

**MAKA SURAT IKATAN INI ADALAH MENYAKSIKAN** seperti yang berikut:

**A. AKU JANJI DARIPADA PENYERAH HAK**

1. Sebagai balasan bagi **SME BANK** atas budi bicara mutlaknyanya mendahulukan dalam semasa ke semasa kepada dan/atau bagi pihak Penyerah Hak berbagai-bagai jumlah wang bagi tujuan pelaksanaan Kontrak tersebut [selepas daripada ini disebut "Pembiayaan Tersebut"].
  - (a) Penyerah Hak dengan mutlaknyanya menyerah hak kepada **SME BANK** segala wang, kepentingan dan hak yang sekarang atau selepas ini kena dibayar dan akan dibayar kepada Penyerah Hak oleh Pemberi Kontrak di bawah Kontrak Tersebut tertakluk kepada tanggungan Penyerah Hak terkandung dalam Kontrak Tersebut.

- (b) Penyerah Hak dengan ini berwaad dan memberi pengakuan bahawa ia akan menyempurnakan dan melaksanakan semua kewajipan dan tanggungan dan mematuhi segala syarat dan peruntukan terkandung dalam Kontrak Tersebut dan akan melepaskan tanggungan **SME BANK** daripada apa-apa kerugian kerosakan atau tuntutan yang dialami oleh **SME BANK** disebabkan oleh kemungkinan Penyerah Hak ke atas peruntukan Fasal ini.
2. Jika sekiranya tidak ada wang atau kepentingan yang diterima atau kena diterima oleh **SME BANK** di bawah serah hak yang disebut di bawah Fasal 1 di atas ('Penyerahhakkan'), atau wang yang sebenarnya diterima oleh **SME BANK** tidak melunaskan Pembiayaan Tersebut, kesemua wang atau baki yang belum bayar hendaklah kena dibayar dengan serta-merta oleh Penyerah Hak dengan cara apa pun.
  3. Semua wang yang diterima oleh **SME BANK** di bawah Fasal 1 di atas adalah untuk pembayaran balik Pembiayaan Tersebut yang diberi kepada Penyerah Hak dan segala potongan hendaklah dengan cara yang dipersetujui dan ditetapkan oleh **SME BANK**.
  4. Penyerah Hak seterusnya berwaad bahawa apa-apa resit yang dikeluarkan oleh **SME BANK** ke atas apa-apa bayaran yang dibuat oleh Pemberi Kontrak yang disebut sebelum ini adalah penyelesaian yang mencukupi dan sah.
  5. Jika sekiranya **SME BANK** menerima wang yang berlebihan dari Pembiayaan Tersebut, **SME BANK** akan membayar balik apa-apa lebih kepada Penyerah Hak dengan serta-merta atau secepat yang praktik **DENGAN SYARAT BAHAWA SME BANK** tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kelewatan dalam membayar balik.
  6. Adalah seterusnya dipersetujui bahawa Surat Ikatan ini tidak menjejaskan hak-hak **SME BANK** untuk mengambil tindakan undang-undang pada bila-bila masa ke atas Penyerah Hak untuk mendapatkan balik wang Pembiayaan Tersebut atau apa-apa bahagiannya dengan keuntungan ke atasnya.
  7. Surat Ikatan ini hendaklah mengikat wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, waris-waris, pemegang serah hak dan pengganti-pengganti kedua-dua pihak.
  8. Penyerah Hak dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada **SME BANK** apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman **SME BANK** atas asas Peguamcara - Klien dalam mengambil tindakan untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik Pembiayaan Tersebut terhutang oleh Penyerah Hak kepada **SME BANK** atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Surat Ikatan.
  9. Duti setem yang dikenakan pada Surat Ikatan ini bagi Pembiayaan akan ditanggung oleh Penyerah Hak.

**B. PERSETUJUAN DARIPADA PEMBERI KONTRAK**

Pemberi Kontrak dengan ini bersetuju dengan Penyerahhakkan seperti yang terkandung di bawah Fasal 1 di atas, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atas Pemberi Kontrak melalui Penyerahhakkan ini tidaklah dengan apa jua cara memudaratkan atau menyentuh apa-apa hak Pemberi Kontrak atau kuasa Pegawai Penguasa Pemberi Kontrak di bawah terma-terma dan syarat-syarat Kontrak tersebut termasuk yang berhubung dengan kontraktor-kontraktor kecil yang dilantik atau pembekal-pembekal yang dilantik.
- (b) Apa-apa pembayaran yang dibuat kepada **SME BANK** selepas ditolak pembayaran yang mesti dibayar kepada mana-mana kontraktor kecil atau pembekal-pembekal yang dilantik hendaklah dianggap di sisi undang-undang seolah-olah pembayaran itu dibuat kepada Penyerah Hak di bawah terma-terma Kontrak tersebut.
- (b) Apa-apa wang yang dibayar oleh Pemberi Kontrak kepada **SME BANK** yang tersebut di atas di bawah perenggan (b) adalah satu penyelesaian yang cukup dan sah bagi tanggungan Pemberi Kontrak terhadap pembayaran di bawah Kontrak tersebut.
- (d) Pemberi Kontrak dengan ini mengesahkan bahawa ia belum memberi notis mengenai apa-apa penyerahhakkan sebelum ini berhubung dengan kerja-kerja yang dinyatakan dalam Fasal 1 di atas di dalam Kontrak tersebut dan juga ia tidak pernah memberi persetujuan tentang apa-apa penyerahhakkan yang lain berhubungan dengan kerja-kerja seperti itu dalam Kontrak tersebut.

**C. DEFINISI DAN INTERPRETASI**

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

- (a) "Bulan" bermaksud bulan takwim;
- (b) Perkataan yang memberi maksud bilangan tunggal adalah juga termasuk bilangan banyak dan di mana terdapat dua orang atau lebih daripada ungkapan "Penyerah Hak", maka waad-waad yang dinyatakan untuk dibuat oleh Penyerah Hak hendaklah disifatkan sebagai dibuat oleh dan berkuat kuasa ke atas orang-orang yang tersebut secara bersesama dan berasingan.

**D.** Adalah seterusnya dipersetujui bahawa Jadual kepada Surat Ikatan ini hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian dari Perjanjian ini.

**E.** Surat Ikatan ini bersama Jadual kepada Surat Ikatan ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen-dokumen pembiayaan yang dimasuki oleh Penyerah Hak bersama SME BANK.

**PADA MENYAKSIKAN PERKARA-PERKARA DI ATAS**, kedua-dua pihak dengan ini menurunkan tandatangan masing-masing pada hari dan tahun yang tertulis di atas.

Ditandatangani oleh Pemberi Kontrak

.....  
Nama:  
No K/P:  
Jawatan:  
Jabatan:  
Cap Rasmi Jawatan

Ditandatangani oleh Penyerah Hak

.....  
Nama:  
No K/P:  
Di hadapan:

.....  
Nama:  
No. K/P:  
Cap Rasmi Jawatan

Ditandatangani bagi pihak )  
**SME BANK** )  
Di hadapan: )  
)  
)

.....  
Nama:  
Cap Rasmi Jawatan:

Nama:  
Cap Rasmi Jawatan:

**JADUAL**

(Yang hendaklah dibaca dan ditakrifkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

No. Bahagian	Perkara	Keterangan
1.	Tarikh Perjanjian	
2.	Penyerah Hak	Nama Syarikat: No Pendaftaran Syarikat: Alamat Berdaftar/Perniagaan Syarikat:
3.	Pemberi Kontrak	Nama: Alamat:
4.	Butir-butir Kontrak	No Rujukan Kontrak: Tajuk/Maklumat Kontrak:
5.	Nilai Kontrak	Ringgit Malaysia:

\*Kepala Surat Syarikat

**Bahagian A : Permohonan Bayaran Pendahuluan Melalui Pembiayaan SME-Go Scheme oleh Kontraktor***(Diisi oleh Syarikat dan hendaklah dicetak di atas kepala surat syarikat)*

**Tarikh** : dd/mm/yyyy

**Kepada** : Ketua Jabatan  
Alamat Agensi Kerajaan

**Nama Pengarah Syarikat** :  
**Nombor Kad Pengenalan** :  
**Nama Syarikat** :  
**Nombor Pendaftaran \*MOF/CIDB/SSM** :  
**Nombor Rujukan \*SST/Inden Kerajaan** :  
**Tarikh \*SST/Inden Kerajaan** :  
**Tajuk Projek** :

Tuan,

**PERMOHONAN BAYARAN PENDAHULUAN MELALUI PEMBIAYAAN SME-GO SCHEME**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Syarikat ini berhasrat untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan SME-Go Scheme yang ditawarkan oleh SME Bank bagi kontrak yang dinyatakan di atas. Sehubungan itu, syarikat memohon bayaran pendahuluan ke atas projek ini untuk dijadikan cagaran bagi mendapatkan pembiayaan SME-Go Scheme. Nilai bayaran pendahuluan yang diperlukan adalah 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM100,000 yang mana lebih rendah.

3. Saya dengan ini bersetuju dan memahami bahawa bayaran pendahuluan tersebut akan dibayar terus kepada SME Bank sebagai cagaran bagi mendapatkan pembiayaan SME-Go Scheme tertakluk kepada syarat dan peraturan yang berkuat kuasa yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

.....  
(Nama dan Jawatan)

Cop Syarikat:

Nota:

\*potong mana yang tidak berkenaan

**Bahagian B : Kelulusan Bayaran Pendahuluan Melalui Pembiayaan SME-Go Scheme**

*(Diisi oleh Syarikat untuk diisi oleh Agensi Kerajaan)*

Dengan ini, Jabatan/Agensi bersetuju dan meluluskan Permohonan Bayaran Pendahuluan Melalui Pembiayaan SME-Go Scheme seperti yang terkandung di **Bahagian A** di atas.

Jabatan/Agensi ini turut mengesahkan bahawa permohonan ini adalah teratur dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

*(Ditandatangani oleh Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa setelah menerima SST/Inden Kerajaan yang lengkap daripada kontraktor)*

-----  
Nama:

No K/P:

Jawatan:

Jabatan:

Cap Rasmi Jawatan:

s.k.

Ketua Pegawai Eksekutif  
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad  
Bahagian Pembiayaan Kontrak  
Aras 12, Menara SME Bank  
Jalan Sultan Ismail  
**50250 KUALA LUMPUR**

Nota : Salinan surat yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh Agensi Kerajaan hendaklah dikemukakan kepada SME Bank.



## BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN

## A) MAKLUMAT SYARIKAT/FIRMA

- Borang ini diberikan secara percuma.  
 Pihak Bank tidak melantik mana-mana pihak ketiga untuk urusan permohonan pembiayaan.

Nama Syarikat/Firma

No. Pendaftaran Syarikat/Firma  Tarikh Pendaftaran (hh/bb/tt)

Alamat Syarikat/Firma

Aktiviti Utama Perniagaan

No. Telefon Syarikat/Firma  E-mel Syarikat/Firma

Jumlah Pembiayaan  RM Tujuan Pembiayaan

Orang Yang Boleh Dihubungi\*:

Nama Penuh	No. MyKad	Jawatan	No. Telefon

\*Pengarah/Pemegang Saham/Pemilik (yang bukan pihak ketiga)

Dokumen di bawah perlu disertakan bersama-sama dengan Borang Permohonan ini:

- 1) Untuk Firma - Salinan kad pengenalan kesemua pemilik atau rakan kongsi
- 2) Untuk syarikat "Sdn Bhd" - Salinan kad pengenalan kesemua pemegang saham dan pengarah syarikat;
- 3) Borang pendaftaran firma/syarikat;
- 4) Dokumen rasmi syarikat (i.e MAA, Borang 9, Borang 24 dan Borang 49).

## B) PERAKUAN

Adalah dengan ini saya/kami mengesahkan bahawa :-

1. Segala maklumat yang tersenarai di dalam Lampiran Senarai Semak Dokumen di atas dan maklumat tambahan yang dikemukakan dari masa ke semasa kepada pihak Bank adalah yang terkini dan lengkap.
2. Disepanjang pengetahuan saya/kami, segala maklumat dan lampiran yang dikemukakan berserta dengan borang permohonan ini TIDAK mengandungi sebarang maklumat palsu, mengelirukan atau tersembunyi.
3. Saya/Kami memberikan kebenaran pada pihak Bank untuk mendapatkan pengesahan maklumat-maklumat yang berkenaan dengan mana-mana pihak serta memberikannya kepada sesiapa yang difikirkan perlu.
4. Bank berhak untuk menolak permohonan jika didapati butir-butir yang diberikan tidak benar.
5. Pengarah-pengarah syarikat tidak mufliis.
6. Syarikat mengaku tidak mempunyai pembiayaan dengan institusi kewangan selain dari maklumat yang telah dinyatakan.
7. Saya/Kami memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk merujuk permohonan ini kepada mana-mana pihak yang berkaitan sekiranya permohonan ini adalah di luar skop pembiayaan SME Bank.
8. Saya/Kami memberi kuasa kepada pihak SME Bank untuk menentusahkan dan/atau membuat sebarang semakan dan/atau mendapatkan apa-apa maklumat dan/atau pengesahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sekarang dan/atau pada masa hadapan, dengan

Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad 49572-H  
 Menara SME Bank, Jalan Sultan Ismail, 50250, Kuala Lumpur. | Call Centre: 03-2603 7700  
 E-mail: [customercare@smebank.com.my](mailto:customercare@smebank.com.my) | Website: [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my) | Facebook.com/smebank | Twitter.com/sme\_bank

Bagaimana anda tahu mengenai kami? (Sila tandakan ✓)

Dari mulut ke mulut  Laman web (Iklan / Carian)  Iklan (Cetak / Elektronik)  Rangkaian media sosial, i.e. Facebook/Twitter  Hebahan media  Lain-lain: Sila nyatakan: \_\_\_\_\_

## BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN

atau daripada mana-mana agensi rujukan/laporan kredit, termasuklah tetapi tidak terhad kepada CCRIS, CTOS, CRR dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan dan memberikan kepada pihak-pihak yang tersebut maklumat-maklumat yang diperlukan untuk membolehkan SME Bank memastikan status saya/kami dan/atau mana-mana orang, individu dan/atau entiti lain yang berkaitan dengan dan/atau berhubung dengan saya/kami sebagaimana yang dikehendaki oleh SME Bank untuk tujuan pertimbangan permohonan ini dan selepas itu jika permohonan ini diluluskan untuk tujuan pemberian dan/atau pengekalan pembiayaan yang berterusan; dan/atau mendapatkan semula amaun yang terhutang di bawah pembiayaan; dan/atau apa-apa tujuan yang berkaitan dengan atau berhubung dengan pembiayaan yang dipohon; dan/atau untuk sebarang tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa yang berkenaan.

9. Untuk pembiayaan tidak melebihi RM250,000.00 dan memerlukan penjamin, saya/kami bersetuju untuk:
  - a. Mendedahkan secara bertulis kepada penjamin segala pembiayaan yang diperolehi daripada mana-mana institusi kewangan dan kesemua jaminan yang diberi oleh saya/kami kepada pihak lain. Sesalinan surat akan diberikan kepada pihak SME Bank.
  - b. Memberi kebenaran kepada pihak SME Bank untuk mendedahkan maklumat berkaitan pembiayaan di antara saya/kami dengan pihak SME Bank kepada penjamin sepanjang tempoh pembiayaan.
10. Saya/Kami memberi kebenaran kepada pihak SME Bank untuk mendedahkan maklumat saya/kami kepada pihak-pihak berikut:
  - a. Kerajaan Malaysia, pemberi dana, kementerian atau lain-lain pihak berkuasa, agensi-agensi atau badan-badan yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak SME Bank;
  - b. Juruaudit, peguam atau penasihat-penasihat professional yang dilantik oleh pihak SME Bank;
  - c. Penyedia cagaran di bawah pembiayaan;
  - d. Syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank;
  - e. Menurut mana-mana sepina atau peruntukan undang-undang lain atau berkaitan dengan mana-mana tindakan undang-undang, guaman atau prosiding yang berkaitan dengan pembiayaan;
  - f. Menurut mana-mana undang-undang; dan
  - g. Sepertimana yang dikehendaki oleh Bank Negara Malaysia.
11. Cadangan Bank untuk berkongsi maklumat saya/kami (tidak termasuk maklumat berkaitan dengan urusan atau akaun saya/kami) dengan pihak ketiga bagi tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi perlu mendapatkan kebenaran saya/kami.
12. Pendedahan kepada Syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain di pihak Bank dan/atau Syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank dengan syarat bahawa pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak boleh dilakukan jika pendedahan sedemikian dibantah oleh saya/kami dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari masa ke semasa melalui notis kepada saya/kami) Aras 8 Menara SME Bank, Jalan Sultan Ismail, Peti Surat 12352, 50774 Kuala Lumpur, Tel: 03-2603 7700.
13. Saya/Kami telah membaca notis "Personal Data Protection" ("Notis") sebelum mengisi borang ini. Dengan mengemukakan data peribadi saya/kami dan dengan menandatangani borang ini, saya/kami dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju dengan terma Notis yang boleh didapati di laman sesawang Bank di [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my) dan 'Enterprise Centres'.
14. Klausula 'Opt-Out'
 

Jika anda/syarikat tidak mahu menerima sebarang bahan pemasaran tentang produk dan/atau tawaran istimewa dari Bank. Sila tandakan disini.
15. Saya/Kami juga mengaku bahawasanya saya/kami adalah bebas dari sebarang tindakan kebangkrutan dan salah laku di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) dan/ atau sebarang tindakan undang-undang. Saya/Kami mengaku bahawa perniagaan saya/kami tidak tersenarai dibawah aktiviti skim kewangan yang tidak sah. Saya/kami mengaku segala maklumat yang diberikan kepada pihak SME Bank adalah betul dan tepat serta telus. Saya/Kami bersetuju untuk menerima sebarang keputusan dari pihak SME Bank berhubung dengan permohonan pembiayaan ini.

## BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN

### PENGISYTIHARAN PELANGGAN

Selaras dengan Dokumen Polisi BNM berkenaan Kemudahan Pembiayaan dengan Pihak Berkaitan (bertarikh 13 Julai 2016), SME Bank perlu mengenal pasti mana-mana pelanggan yang mempunyai hubungan dengan SME Bank. Sehubungan dengan itu, sila isytiharkan jika anda adalah dianggap sebagai pihak berkaitan dengan SME Bank (sila rujuk kepada Glosari untuk Definisi Pihak Berkaitan). Walau bagaimanapun, menurut Seksyen 28(3A) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, SME Bank tidak boleh memberikan apa-apa kemudahan pembiayaan kepada mana-mana syarikat atau perbadanan yang mana ahli SME Bank, pengarah SME Bank atau pegawai SME Bank (termasuk saudara terdekat mereka \*\*) mempunyai kepentingan saham yang, secara agregatnya, melebihi 50%.

Syarikat Pelanggan adalah berkaitan dengan SME Bank

Ya	Tidak

Berkaitan Butir-butir Pihak Berkaitan (sila rujuk Definisi Pihak Berkaitan)					
Kapasiti *	Nama Pihak Berkaitan dalam Syarikat Pelanggan	No K/P	Hubungan dengan Pihak di SME Bank	Nama Pihak di SME Bank	Alamat email SME Bank
<b>Sila nyatakan jika Syarikat Pelanggan adalah salah satu daripada berikut:</b>					
<b>Kaitan Syarikat Pelanggan dengan SME Bank</b>					<b>No Ya / Tidak</b>
1. Syarikat pelanggan menguasai# atau dikuasai oleh Pihak Berkaitan SME Bank (termasuk saudara terdekat mereka).					
2. Syarikat pelanggan berpengaruh ke atas## atau dipengaruhi oleh Pihak Berkaitan SME Bank (termasuk saudara terdekat mereka).					
3. Pihak Berkaitan (termasuk saudara terdekat mereka) adalah pengarah, rakan kongsi, pihak pengurusan, ejen atau penjamin Syarikat Pelanggan, subsidiari dan/atau entiti yang dikuasai oleh Syarikat Pelanggan.					
4. Syarikat pelanggan adalah subsidiari kepada, atau satu entiti yang dikuasai oleh, SME Bank dan juga Pihak Berkaitan (termasuk saudara terdekat mereka).					
5. Syarikat Pelanggan adalah pihak yang dijamin oleh Pihak Berkaitan SME Bank (termasuk saudara terdekat mereka).					

**Note:** Sekiranya anda perlu mengisytihar lebih daripada ruangan yang disediakan di atas, sila lampirkan butiran pengisytiharan di kertas yang berasingan.

### Definisi Pihak Berkaitan

Pelanggan yang berkaitan dengan SME Bank adalah didefinisikan sebagai pelanggan yang berkaitan\* dengan pihak di bawah dan saudaranya yang terdekat\*\*:

1. Pengarah SME Bank;
2. Pemegang Saham Berkuasa# SME Bank;
3. Pemegang Saham Berpengaruh## SME Bank;
4. Pegawai Eksekutif (Pihak Pengurusan) SME Bank; dan/atau
5. Pegawai SME Bank yang bertanggungjawab atau mempunyai kuasa untuk menilai dan/atau meluluskan fasiliti pembiayaan atau menyemak status pembiayaan yang sedia ada, sama ada sebagai ahli sesebuah jawatankuasa atau individu.

\* Berkaitan bermaksud individu di atas mempunyai kapasiti dalam Syarikat Pelanggan, sebagai salah satu daripada berikut:

1. Pengarah Syarikat Pelanggan;
2. Pemegang Saham Berkuasa dalam Syarikat Pelanggan#;
3. Pemegang Saham Berpengaruh dalam Syarikat Pelanggan##;
4. Pegawai Eksekutif (Pihak Pengurusan) dalam Syarikat Pelanggan;
5. Pegawai Syarikat Pelanggan; dan/atau
6. Penjamin Syarikat Pelanggan.

## BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN

**\*\* Saudara terdekat bermaksud ahli keluarga yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh individu yang disebutkan di atas termasuk pihak tanggungan\*\*\* individu.** Saudara terdekat termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

- a. Isteri/suami dan juga tanggungan isteri/suami;
- b. Anak (termasuk anak tiri dan anak angkat) dan isteri/suami kepada anak;
- c. Ibu dan Bapa;
- d. Ibu dan Bapa Mentua; dan
- e. Abang, kakak atau/dan adik dan juga suami/isteri mereka.

**\*\*\*** Ini merujuk kepada sesiapa yang mempunyai tanggungan kewangan ke atas individu atau suami/isteri untuk kehidupan seharian iaitu seseorang yang kerap menerima bantuan kewangan daripada individu /suami atau isteri.

### # Pemegang Saham yang Berkuasa – Definisi dan Bidang:

Seseorang yang boleh dikatakan pemegang saham yang berkuasa adalah seseorang yang memenuhi salah satu daripada kriteria berikut; sama ada secara individu atau dengan orang lain memimpin tugas seangkatan dengannya:

1. Menguasai lebih daripada 50% daripada hak mengundi;
2. Memegang lebih daripada 50% daripada modal saham yang diterbitkan sama ada secara langsung atau tidak langsung (tidak termasuk saham keutamaan);
3. Menguasai komposisi Lembaga Pengarah;
4. Mempunyai kuasa untuk melantik dan/atau mengeluarkan kesemua atau majoriti ahli Lembaga Pengarah;
5. Menguasai Pemegang Saham yang berkuasa; atau
6. Adalah seseorang yang berkuasa untuk mengarahkan pengarah atau syarikat induk sesebuah syarikat.

### ## Pemegang Saham yang Berpengaruh – Definisi dan Bidang:

Seseorang yang boleh dikatakan pemegang saham yang berpengaruh adalah seseorang yang memenuhi salah satu daripada kriteria berikut; sama ada secara individu atau dengan orang lain memimpin tugas seangkatan dengannya:

1. Memegang 20% atau lebih kepentingan dalam saham syarikat, tetapi bukan pemegang saham yang berkuasa; atau
2. Mempunyai kuasa untuk melantik sekurang-kurangnya seorang untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah.

### **PENGISYTIHARAN**

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa maklumat dan butir yang diberi di atas adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan saya / kami dan tiada apa yang telah disembunyikan.

.....  
(Tandatangan Yang Sah)

Nama :  
Jawatan :  
Cop Syarikat :  
Tarikh :

**BORANG PENYATA DIRI**



**BUTIRAN DIRI**

Nama [Seperti di MyKad] : .....

No. MyKad :

Alamat Surat Menyurat : .....

Poskod : ..... Bandar : ..... Negeri:.....

Telefon : [RUMAH] ..... [PEJABAT] ..... [HP] .....

Bangsa  Melayu  Cina  India  Lain-lain :.....

Warganegara  Malaysia  Lain-lain: ..... Status:  Bumi  Bukan Bumi

Bilangan Tanggungan: ..... Hubungan dengan warga SME Bank  Ada: .....  Tiada Hubungan

**MAJIKAN / PERNIAGAAN SEKARANG**

Nama : ..... No Syarikat : .....

Alamat : .....

Poskod : ..... Bandar: ..... Negeri:.....

Telefon : [1] ..... Faks: ..... Email:.....

Jawatan : ..... Tempoh : .....

Status Kerja  Tetap  Sementara. Majikan Terdahulu:.....

**Butiran Suami / Isteri**

Nama [Seperti di MyKad] : .....

No. MyKad : .....

Alamat Surat Menyurat : .....

Poskod : ..... Bandar : ..... Negeri:.....

Telefon : [Rumah] ..... [Pejabat] ..... [HP] .....

Bangsa  Melayu  Cina  India  Lain-lain:.....

Warganegara  Malaysia  Lain-lain: ..... Status:  Bumi  BukanBumi

BilanganTanggungan: ..... Hubungan dengan warga SME Bank  Ada: .....  Tiada Hubungan

**MAJIKAN / PERNIAGAAN SEKARANG BAGI SUAMI / ISTERI**

Nama : ..... No Syarikat : .....  
 Alamat : .....  
 Poskod : ..... Bandar: ..... Negeri:.....  
 Telefon : [1] ..... Faks: ..... Email: .....  
 Jawatan : ..... Tempoh : .....  
 Status Kerja  Tetap  Sementara. Majikan Terdahulu:.....

**ORANG YANG BOLEH DIHUBUNGI (Ahli Keluarga/Penjaga)\*:**

Nama Penuh	No. MyKad	Alamat surat-menyurat	Pekerjaan	No. Telefon

*\*sila nyatakan sekurang-kurangnya 2 orang ahli keluarga/penjaga*

**PENDIDIKAN FORMAL PEMOHON**

Kelulusan Tertinggi  SPM  Diploma  Ijazah  Sarjana  Lain-lain: .....  
 Jurusan : .....  
 Universiti: .....  
 Tahun : .....

**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEMASA**
**A] PENDAPATAN BULANAN**

- Gaji & Elaun Tetap
- .....
- .....

**PENDAPATAN KASAR**

Sendiri [RM]	Suami/Isteri [RM]	Jumlah [RM]

**B] PERBELANJAAN BULANAN**

- Sara hidup
- Pembiayaan Perumahan
- Pembiayaan Kenderaan
- Cukai Pendapatan
- KWSP
- .....
- .....


**C] PENDAPATAN BERSIH**

--	--	--

**MAKLUMAT PEMBIAYAAN PERIBADI**

Harta	Nilai Semasa	Pembiaya	Jumlah Pembiayaan	Tempoh	Baki

**PERAKUAN**

Saya/Kami dengan ini memberikan kuasa kepada Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad [Selepas ini dikenali dengan SME Bank] untuk mendapatkan daripada mana-mana pihak sebarang maklumat yang SME Bank perlukan. Saya/Kami adalah bebas daripada sebarang tindakan kebangkrapan atau tindakan undang-undang dan mengaku segala keterangan yang tercatat di atas adalah benar dan lengkap. Saya/Kami bersetuju menerima sebarang keputusan pihak SME Bank untuk menolak permohonan ini tanpa memberi sebarang sebab atau alasan.

Untuk pembiayaan tidak melebihi RM250,000.00 dan memerlukan penjamin, saya/kami bersetuju untuk:

- Mendedahkan secara bertulis kepada penjamin segala kemudahan pembiayaan yang diperolehi daripada mana-mana institusi kewangan dan kesemua jaminan yang diberi oleh saya/kami kepada pihak lain. Sesalinan surat akan diberikan kepada pihak SME Bank.
- Memberi kebenaran kepada pihak SME Bank untuk mendedahkan maklumat berkaitan pembiayaan di antara saya/kami dengan pihak SME Bank kepada penjamin sepanjang tempoh pembiayaan

Saya/Kami memberi kebenaran kepada pihak SME Bank untuk mendedahkan maklumat saya/kami kepada pihak-pihak berikut:

- Kerajaan Malaysia, pemberi dana, kementerian atau lain-lain pihak berkuasa, agensi-agensi atau badan-badan yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak SME Bank;
- Juruaudit, peguam atau penasihat-penasihat professional yang dilantik oleh pihak SME Bank;
- Penyedia cagaran di bawah kemudahan pembiayaan;
- Syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank;
- Menurut mana-mana sepina atau peruntukan undang-undang lain atau berkaitan dengan mana-mana tindakan undang-undang, guaman atau prosiding yang berkaitan dengan kemudahan pembiayaan;
- Menurut mana-mana undang-undang; dan
- Sepertimana yang dikehendaki oleh Bank Negara Malaysia.

Cadangan Bank untuk berkongsi maklumat saya/kami (tidak termasuk maklumat berkaitan dengan urusan atau akaun saya/kami) dengan pihak ketiga bagi tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi perlu mendapatkan kebenaran saya/kami

Pendedahan kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain di pihak Bank dan/atau syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank dengan syarat bahawa pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak boleh dilakukan jika pendedahan sedemikian dibantah oleh saya/kami dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari masa ke semasa melalui notis kepada saya) Aras 10 Menara SME Bank, Jalan Sultan Ismail, Peti Surat 12352, 50774 Kuala Lumpur, Tel: 03-26037700.

Saya/Kami telah membaca notis “Personal Data Protection” (‘Notis’) sebelum mengisi borang ini. Dengan mengemukakan data peribadi saya/kami dan dengan menandatangani borang ini, saya/kami dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju dengan terma Notis yang boleh didapati di laman sesawang Bank di [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my) dan ‘Enterprise Centres’.

Klausa ‘Opt-Out’

- Jika anda/syarikat tidak mahu menerima sebarang bahan pemasaran tentang produk dan/atau tawaran istimewa dari Bank, sila tanda  di sini.

Saya/Kami yang bertandatangan mengaku bahawa tiada pengarah, pengurus, ejen atau penjamin syarikat mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan sebagai suami atau isteri, anak atau ibu atau bapa dengan mana-mana pengarah atau eksekutif SME Bank pada masa ini.

Saya/Kami juga mengaku janji akan memaklumkan kepada SME Bank sekiranya wujud atau timbul apa-apa perhubungan seperti yang tersebut di atas pada sebarang masa.

.....

[     ]

Tarikh:

**Sila lampirkan**

Salinan Kad Pengenalan  
Borang BE [Cukai Pendapatan]



**CARTA ALIR KEMUDAHAN PEMBIAYAAN SME-GO SCHEME**